

**TALKING POINTS**  
**YBHG. DATO ABDUL FATAH ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**

**WEBINAR AURA SIRI 5**  
**“KOPERASI DI ERA EKONOMI DIGITAL”**

**17 JUN 2021 (KHAMIS), 2.30 PETANG**

# **SECARA FB LIVE OFFICIAL UMK DAN ANGKASA**

---

Bismillahirahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'alla Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
dan Salam 1Koperasi

YBrs. Dr. Hj. Mohd Azlan Yahya  
Naib Presiden ANGKASA merangkap  
moderator webinar ini

YBhg. Datin Dr. Syahira binti Hamidon  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Dasar dan Hubungan  
Antarabangsa

Kementerian Pembangunan Usahawan  
dan Koperasi

Wakil-wakil koperasi,

Warga kerja UMK dan ANGKASA

Dato-Dato'/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan  
Yang dihormati sekalian.

---

1. Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang memberi peluang kepada kita, untuk sekali lagi bersama-

sama mengikuti Siri 5 Webinar AURA yang bertajuk “Koperasi Di Era Ekonomi Digital”.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang mengikuti program ini, walau di mana jua anda berada.

3. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga, saya ucapangkan kepada panel jemputan, Datin Dr. Syahira Hamidon dan Dr. Azlan Yahya selaku moderator kerana sudi menjayakan webinar ini.

## **Dato-Dato/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan yang dihormati sekalian**

4. Untuk makluman, webinar ini merupakan program anjuran ANGKASA-UMK Research Academy (AURA). AURA organisasi bukan berteraskan

keuntungan, milik bersama ANGKASA-UMK ditubuhkan untuk menjalankan program-program dan kajian pembangunan koperasi yang ada kepentingan kepada masyarakat dan negara.

5. Justeru dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan strategik ANGKASA, pihak UMK yang sudi berganding bahu dengan ANGKASA menjayakan pelbagai program di bawah AURA.

6. Fokus program adalah isu-isu semasa dan dasar-dasar baru yang ada impak kepada gerakan koperasi. Ini penting untuk koperasi mendapat info yang tepat daripada pihak yang bertanggungjawab secara langsung dalam pembangunan koperasi.

7. Topik “Koperasi di Era Ekonomi Digital” kali ini penting untuk koperasi bergerak ke hadapan dengan lebih efisen. Pada hari ini, pendigitalan telah mengubah masyarakat dan industri untuk bertindak balas dengan pasaran dengan pantas dan berkesan untuk

mendapat manfaat daripada ekonomi digital yang sedang berkembang pesat.

8. Pelaksanaan Pelan Induk Digital ASEAN 2025 memberi peluang dan potensi yang besar untuk direbut koperasi. Pelan ini, berhasrat untuk menjadikan ASEAN sebuah komuniti

dihubungkan secara digital dengan menggariskan lapan matlamat keberhasilan dalam usaha menjadikan ASEAN sebagai blok peneraju komuniti dan ekonomi digital. Antaranya meningkatkan perkhidmatan digital perniagaan dan menggalakkan perdagangan rentas sempadan.

9. Pelan ini dapat membantu semua negara ASEAN menjadi sebahagian ekonomi digital yang sedang berkembang di rantau ini yang dianggarkan menyumbang lebih USD\$240 bilion dalam tempoh 5 tahun akan datang. Menurut Laporan daripada Temasik Holdings dan Bain &

Co, merekodkan nilai ekonomi digital rantau ASEAN berjumlah USD\$100 bilion pada 2019. Nilai ini dijangka meningkat kepada USD\$300 bilion menjelang 2025.

10. Krisis pandemik Covid-19, secara tidak langsung telah mempercepatkan lagi proses peralihan ekonomi sedia ada

kepada ekonomi digital. Kebanyakkan negara di rantau ini, menunjukkan peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi digital. Di Malaysia, kadar penyertaan perniagaan dalam platform digital setakat 1 Mac hingga 31 Oktober 2020, sebanyak 373,213 entiti perniagaan didaftarkan di bawah

Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi kategori dalam talian, dan trend ini dijangka akan terus menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa.

11. Peningkatan penyertaan perniagaan dalam talian pada tahun ini dijangka akan meningkatkan

pertumbuhan KDNK dan sekaligus akan mendorong ekonomi untuk berkembang sebanyak 6.5% hingga 7.5% seperti yang disasarkan dalam Belanjawan 2021.

12. Kadar penyertaan aktiviti ekonomi bersifat maya yang

menggunakan aplikasi digital juga dilihat semakin meningkat. Shoppe dan Lazada, platform membeli belah dalam talian terkemuka di Malaysia. Kira-kira 91 peratus penduduk Malaysia adalah pengguna internet aktif dan penduduknya mempunyai kadar penggunaan telefon bimbit yang tinggi.

Dengan jumlah penduduk sekitar 30 juta, Malaysia adalah pasaran e-dagang yang menarik di Asia Tenggara kerana ekonominya yang berkembang pesat dan infrastruktur canggih untuk teknologi digital berkembang.

13. Jelas, penggunaan teknologi digital adalah naratif semasa dan gaya hidup norma baharu. Justeru, koperasi perlu merebut manfaat yang wujud dari ekosistem digital yang sedang dibangunkan di peringkat negara dan ASEAN.

## **Dato-Dato/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan yang dihormati sekalian**

14. Pandemik telah mengubah tata laku pelanggan dan perniagaan termasuk koperasi. Justeru koperasi perlu berubah. Koperasi perlu mengubah

*mindset, kreatif dan inovatif dalam menjalankan perniagaan. Teknologi menjadi alat penting untuk koperasi meningkatkan tahap kecekapan dan daya saing. Koperasi harus berasaskan digital sebagai syarat untuk berperanan lebih besar dalam ekonomi negara.*

15. Membuat reformasi total perlu bagi koperasi agar dapat menempuh cabaran revolusi 4.0 dan mampu beradaptasi dan berinteraksi secara dinamik.

16. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada

panel jemputan, moderator dan semua peserta yang mengikuti program ini. Semoga program ini dapat memberi impak pendigitalan kepada gerakan koperasi.

Sekian, terima kasih.